



**LEMBAGA PERLESENAN TENAGA ATOM
(ATOMIC ENERGY LICENSING BOARD)
Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi
(Ministry Of Science, Technology and Innovation)
Batu 24, Jalan Dengkil,
43800, Dengkil, Selangor**



17 Ogos 2017
Notis Pemberitahuan AELB
Bil. 02/2017

**KEPERLUAN MENJELASKAN PEMBAYARAN FEE LESEN DALAM TEMPOH DUA
PULUH SATU (21) HARI DARI TARIKH KELULUSAN PERMOHONAN LESEN
DI BAWAH AKTA 304**

TUJUAN

1. Tujuan Notis Pemberitahuan ini dikeluarkan adalah untuk memaklumkan kepada pemohon dan pemegang lesen mengenai keperluan menjelaskan bayaran fee lesen dalam tempoh dua puluh satu (21) hari dari tarikh kelulusan permohonan lesen di bawah Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984 (Akta 304).

LATAR BELAKANG

2. Merujuk kepada Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984 (Akta 304), mana-mana orang yang berurusan¹ dengan, memiliki atau melupus apa-apa bahan radioaktif, bahan nuklear, benda ditetapkan atau radas penyinaran hendaklah memiliki lesen yang sah. Pemohon atau pemegang lesen yang berhasrat untuk memohon lesen baharu, membaharui lesen atau meminda lesen hendaklah mengemukakan permohonan secara atas talian melalui sistem eLesen-eSPP.

¹ "urusan", berhubung dengan mana-mana bahan radioaktif, bahan nuklear, benda ditetapkan atau radas penyinaran, ertinya apa-apa aktiviti yang melibatkan bahan radioaktif, bahan nuklear, benda ditetapkan atau radas penyinaran yang sedemikian itu yang dikilang, diperdagang, dikeluarkan, diproses, dibeli, dipunyai, diguna, diangkut, dipindah, dikendali, dijual, distor, diimport atau dieksport.

3. Subseksyen 10 (1) Akta 304 memperuntukan kuasa Lembaga untuk mengenakan dan menerima fee-fee, dan melalui Kerajaan Malaysia, mendapatkan kembali fee-fee kerana apa-apa perkhidmatan yang diberi oleh Lembaga. Subseksyen 15 (5) Akta 304 juga menyatakan bahawa Lembaga boleh mengeluarkan kepada pemohon suatu lesen dalam bentuk yang ditetapkan apabila dibayar fee yang ditetapkan, atau boleh, jika difikirkan patut, enggan mengeluarkan lesen itu.

4. Setelah suatu permohonan lesen diluluskan, pemohon adalah dikehendaki untuk menjelaskan fee lesen mengikut invoice yang dikeluarkan. Jumlah fee lesen yang dikenakan adalah bergantung kepada kategori bahan radioaktif atau kategori radas penyinaran atau aktiviti yang akan dijalankan oleh pemohon sepertimana peruntukan Peraturan 15 dan Jadual Kelima, Peraturan-Peraturan Perlindungan Sinaran (Perlesenan) 1986.

5. Pembayaran fee boleh dibuat sama ada dalam bentuk:

- i. Tunai;
- ii. Cek;
- iii. Bank draf;
- iv. Perbankan internet (*Maybank2u, Cimb Clicks* atau *CIMB Biz-Channel*);
- v. Kiriman wang; atau
- vi. Wang pos.

Bagi bayaran secara bank draf, kiriman wang atau wang pos, bayaran hendaklah dibuat atas nama Ketua Pengarah AELB yang disertakan bersama surat iringan dan salinan invoice fee lesen.

6. Lesen yang sah akan dikeluarkan hanya setelah pemohon menjelaskan bayaran fee lesen yang dikenakan berserta bukti pembayaran. Bukti pembayaran sama ada dalam bentuk resit rasmi atau slip bukti pembayaran bank secara atas talian hendaklah dimuat naik ke sistem eLesen-eSPP bagi tujuan pengesahan sebelum lesen dikeluarkan.

KEPUTUSAN

7. Jabatan AELB dengan ini memutuskan bahawa fee bagi setiap kelulusan permohonan lesen yang dikeluarkan di bawah Akta 304 **hendaklah dijelaskan oleh pemohon di dalam tempoh dua puluh satu (21) hari dari tarikh kelulusan permohonan tersebut.** Pembayaran dianggap berjaya setelah bukti pembayaran yang dimuat naik disahkan oleh jabatan AELB. Lesen yang diluluskan hanya akan dikeluarkan setelah pembayaran fee lesen disahkan.

8. Kegagalan membuat pembayaran fee lesen dan tiada pembuktian yang menyatakan pembayaran tersebut telah dibuat dalam tempoh yang disebutkan di atas, dengan ini kelulusan permohonan lesen yang telah diberikan akan **terbatal secara automatik**. Oleh yang demikian, mana-mana pemohon atau pemegang lesen yang berhasrat untuk berurusan dengan aktiviti yang berkaitan dengan kelulusan yang telah dibatalkan, hendaklah membuat permohonan baharu.

9. Keputusan ini adalah terpakai kepada mana-mana permohonan berikut:-

- i) Permohonan lesen baharu;
- ii) Permohonan meminda lesen;
- iii) Permohonan membaharui lesen; dan
- iv) Permohonan pindah milik lesen.

PENGUATKUASAAN ARAHAN

10. Arahan ini adalah berkuatkuasa **mulai 1 September 2017**.

PENUTUP

11. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan mengenai Notis Pemberitahuan ini, sila berhubung dengan AELB menggunakan alamat di bawah.

Pengarah

Bahagian Dasar dan Hubungan Luar

Lembaga Perlesenan Tenaga Atom
Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi
Batu 24, Jalan Dengkil, 43800 Dengkil

No. Tel : +603-89225888

No. Faks : +603-89223685

E-mel : mnr-customer@aelb.gov.my

Laman Web : www.aelb.gov.my